

BAB 6

PENUTUP DAN RUMUSAN

Dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba keluarga adalah lingkungan pertama untuk pendidikan anak-anak sebelum memasuki lingkungan formal (sekolah) dan pendidikan dalam lingkungan masyarakat. Malahan, keluarga adalah sumber pengetahuan utama dan memainkan peranan penting dan paling berpengaruh dalam kehidupan anak-anak, terutama ketika anak-anak masih berada dalam keluarga orientasi. Peranan keluarga dalam masyarakat Melayu di Pulau Tuba bukan sekadar mengekalkan struktur sosial iaitu dengan menurunkan nilai-nilai budaya, pengetahuan dan kemahiran kepada generasi baru malah mempunyai kewajipan mendidik dan membangun tingkah laku anak-anak ke arah kemurnian dan kesejahteraan hidup berdasarkan agama dan budaya, menepati ciri-ciri ideal masyarakat. Oleh itu, dalam proses pembudayaan masyarakat Melayu Tuba keluarga mempunyai matlamat untuk mempertingkatkan martabat keluarga dalam masyarakat; iaitu dengan cara membina dan memperkembangkan personaliti anggotanya ke tahap yang dihormati dan memberi pendidikan formal supaya anak-anak dapat menjawat jawatan yang dihormati oleh masyarakat. Di samping itu keluarga berfungsi menyelenggarakan hubungan yang baik

dengan keluarga dan saudara mara serta terlibat dan ikut serta secara efektif dalam masyarakat.

Matlamat keluarga ialah untuk membangunkan personaliti iaitu jalinan antara hati, semangat, nafsu dan akal mencapai tahap berbudi. Ibu bapa mengharapkan anak menjadi anak yang baik dan anak yang soleh. Anak yang baik ialah anak yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang dihormati seperti perangai baik pandai mengawal tingkah laku, rajin bekerjasama, rendah diri dan mudah bergaul. Anak yang soleh pula ialah anak yang patuh dan memenuhi tanggung jawab terhadap TuhanYa. Jangkaan nilai ini diterapkan semenjak anak masih di dalam kandungan melalui amalan dan upacara semasa kehamilan dan kelahiran seperti pantang larang ketika mengandung, mandi tian, menyambut budak, kerat pusat, sambut lampin, menanam uri, belah mulut, cukur rambut, berendoi dan pemberian nama anak.

Peranan anak dalam kelangsungan dan kesinambungan keluarga adalah berdasarkan adat dan nilai tradisi. Orientasi peranan dibezakan berdasarkan perbezaan jantina dan tingkat kekerabatan. Anak lelaki dijangkakan menjadi jantan dengan sifat-sifat superior dan memainkan peranan instrumental. Sementara anak perempuan dengan sifat-sifat keperempuanan yang ekspresif

dan inferior seperti membina hubungan yang mesra, membina kasih sayang, menceritakan masalah dan kesusahan, malu dan memberi kesenangan kepada orang lain. Pola perhubungan kekerabatan adalah berdasarkan peraturan tingkat kekerabatan atau ikut pangkat yang menjadi penentu kepada status seseorang dalam kekerabatannya. Peraturan ini melahirkan nilai-nilai yang perlu difahami dan dilaksanakan oleh setiap individu bersesuaian dengan status tersebut.

Dalam proses pembudayaan masyarakat Melayu Pulau Tuba dapat dirumuskan beberapa aspek latihan untuk memastikan perkembangan dan penerusan sistem sosial dan, kelangsungan dan kesinambungan keluarga. Aspek yang pertama ialah (kepatuhan dan ketaatan). Pada peringkat budak penyaluran maklumat adalah berkaitan dengan aspek peranan asas dan tingkah laku yang melibatkan moral. Iaitu keutamaan perangai dan tabiat yang harus dimiliki dan dijadikan kebiasaan, dan mengamalkan tingkah laku yang selaras dengan nilai-nilai tersebut. Anak menerima pengetahuan di antara apa yang baik, betul dan patut dengan apa yang tidak baik, salah dan tidak patut daripada keluarga tanpa perlu bersoal jawab. Tiga saluran penting penyaluran pengetahuan ialah melalui pemerhatian, demonstrasi dan peniruan. Ibu bapa atau anggota keluarga yang berada di tingkatan kekerabatan

(pangkat) yang lebih tinggi menjadi model peranan (role model) dan mempunyai kewibawaan dan kuasa mutlak dalam kebanyakan hal. Sebarang keputusan yang dibuat oleh ibu bapa atau anggota keluarga yang berada di pangkat yang lebih tinggi dianggap sebagai baik dan perlu dipatuhi kerana mereka lebih dahulu makan garam. Nilai hormat dan taat yang merangkumi komponen segan, malu dan takut diorientasi melalui sikap, bahasa dan tingkah laku. Nilai ini menjadi penghalang kepada anggota keluarga mempertikai keputusan yang dibuat oleh orang yang dianggap berwibawa. Keputusan, arahan, teguran dan kata-kata nasihat diterima tanpa banyak soalan. Ini juga disebabkan oleh pola pembudayaan dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba secara langsung dipengaruhi oleh persepsi dan nilai ibu bapa terhadap anak-anak. Pada peringkat budak, anak dianggap masih belum berkeupayaan membuat keputusan yang baik dan betul walaupun untuk dirinya sendiri. Oleh itu sebarang percubaan untuk mempertikai apatah lagi membuat keputusan sendiri dianggap sebagai melawan cakap orang tua. Percubaan melawan cakap orang tua dinilai sebagai perbuatan biadap, kurang ajar dan berdosa besar. Balasan untuk orang yang menderhaka boleh merupakan kecelakaan hidup di dunia dan pembalasan neraka.

Perkembangan personaliti di sepanjang peringkat pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dalam keluarga orientasi adalah punca yang menyebabkan masyarakat Melayu Pulau Tuba masih berpegang kuat kepada nilai-nilai tradisi. Tentangan terhadap perubahan juga timbul daripada faktor kebudayaan. Dasar personaliti yang dibentuk melalui proses pembudayaan dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba adalah cenderung ke arah bentuk **personaliti authoritarian**. Personaliti authoritarian menggambarkan orang yang mempunyai sifat taat setia dan patuh yang kuat kepada orang yang berwibawa (Abdullah Taib; 1994: 125). Personaliti bentuk ini menurut Hagen (1962: 74) adalah tidak kreatif dan tidak banyak membawa perubahan. Dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba, tingkah laku adalah kesinambungan dari generasi sebelumnya tanpa perubahan atau percubaan untuk mengubahnya. Tingkah laku dibangunkan oleh budaya yang diwarisi.

Ketaatan adalah unsur terpenting dalam rangka pembudayaan masyarakat Melayu Pulau Tuba. Latihan ketaatan berupaya menggerakkan unsur-unsur lain dalam masyarakat seperti nilai, kepercayaan, world view terus berkesinambungan dan stabil.

Aspek kedua dalam proses pembudayaan masyarakat Melayu Pulau Tuba ialah pemindahan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan penglibatan dalam tugas-tugas rumah tangga. Ia bertujuan melahirkan anak yang mempunyai kepakaran dan mampu memainkan peranan secara efektif dalam keluarga dan masyarakat dan seterusnya dapat melakukan penyesuaian sosial. Latihan tanggung jawab meliputi penglibatan yang asas dalam tugas-tugas domestik dipupuk semenjak anak-anak masih kecil. Pada peringkat awal, pembahagian peranan berdasarkan jantina tidak begitu jelas. Peranan dan tugas dilakukan oleh anak-anak berdasarkan keupayaan fizikal iaitu melibatkan tugas-tugas ringan. Peranan dan tugas dilakukan dengan arahan dan suruhan semata-mata kerana anak yang kecil masih belum mempunyai kesedaran sendiri.

Pembahagian tugas berdasarkan jantina semakin jelas apabila anak-anak mencapai tahap baligh. Anak lelaki digalakkan meninggalkan rumah untuk pelbagai tujuan di luar rumah terutama tujuan sosial dan ekonomi. Anak perempuan digalakkan terperap di rumah menjalankan tanggung jawab domestik yang serius bagi memenuhi jangkaan masyarakat sebagai anak perempuan yang baik.

Aspek ketiga ialah latihan pengasuhan, iaitu anak-anak yang mempunyai saudara yang kecil bertindak sebagai pelindung, pembimbing dan pengasuh serta memiliki kewibawaan. Mereka menjadi model peranan kepada adik-adik dengan menunjukkan tingkah laku yang baik. Abang atau kakak yang gagal menjadi model peranan dengan memberi contoh teladan yang tidak baik, membiar adik tanpa pengawasan dan gagal melindungi, akan menerima teguran dan hukuman daripada ibu bapa. Tanggung jawab pengasuhan lebih banyak dipikul oleh anak perempuan, sementara anak lelaki hanya menolong apabila disuruh.

Aspek keempat ialah latihan pencapaian, iaitu tahap kesedaran peranan kejantinaan. Tahap ini dicapai apabila anak-anak telah diberi kebebasan untuk menjalankan tugas tanpa arahan, dan suruhan (boleh diharap), mampu berdikari dan percaya kepada diri sendiri.

Dalam proses pembudayaan masyarakat Melayu Pulau Tuba, tiada tolak ansur kepada sesiapa yang melanggar tradisi. Anak-anak perlu patuh kepada tradisi terutama yang melibatkan tingkah laku yang asas. Kawalan dan hukuman dikenakan supaya anak-anak tunduk kepada tuntutan persekitarannya. Dalam pemilihan kaedah-kaedah

disiplin ramai ibu bapa berpegang teguh kepada kaedah-kaedah yang digunakan oleh ibu bapa mereka.

Antara kaedah disiplin yang digunakan untuk mengawal tingkah laku anak-anak ialah:

- i) mencegah anak-anak daripada memikir atau melakukan keinginan yang mendatangkan kemudaratan.
- ii) menegur dengan lembut tanpa melibatkan emosi serta tidak mengugut atau menakutkan dengan hukuman.
- iii) menakutkan dengan mengatakan balasan dosa, neraka dan kemurkaan Tuhan, unsur-unsur yang menimbulkan ketakutan seperti objek atau suasana tertentu, atau balasan daripada kuasa luar biasa seperti pantang larang.
- iv) mengugut dengan hukuman fizikal.

Pada peringkat awal budak, anak-anak ditegah dengan cara ditakutkan tetapi apabila meningkat umur, larangan berbentuk agama dan moral disertakan seperti teguran, penjelasan dan sindiran. Hukuman fizikal dan kata-kata marah adalah pilihan terakhir untuk mengawal tingkah laku anak-anak. Hukuman fizikal adalah teknik

yang digunakan semasa peringkat budak sahaja. Ia dipilih untuk kesalahan tidak mendengar kata atau melawan fikiran ibu bapa. Ia bertujuan memberi serik dan menghalang anak-anak daripada mengulangi kesalahan yang serupa. Teknik ini dianggap sebagai teknik mendidik dan mengajar yang terbaik dan berkesan. Ini disebabkan, kemanjaan jarang didemonstrasikan, malah anak-anak tidak seharusnya diberi muka kerana anak yang diberi muka akan naik kepala, sebaliknya "kalau sayangkan anak, tangantangan".

Matlamat pembudayaan ialah untuk mencapai kemurnian dalaman melalui proses internalisasi dan pembentukan tabiat. Tabiat adalah kebiasaan yang menjadi dasar dalam pengekalan nilai-nilai kebudayaan. Darjah kawalan sosial tertinggi bermula dengan kesedaran dalaman yang terbit daripada tuntutan berbudi untuk dimenifestasikan, diikuti oleh perasaan malu dan seterusnya kerana takut.

Dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba, kawalan sosial adalah tanggung jawab kolektif setiap anggota masyarakat. Setiap tindakan harus terlebih dahulu memikirkan sensitiviti anggota masyarakat yang lain (apa orang lain akan kata). Pengekalan keluarga bentuk luas dan sikap kepedulian yang tinggi memudahkan kawalan

sosial ke atas setiap perlanggaran tingkah laku. Tingkah laku yang di luar jangkaan nilai keluarga dan masyarakat akan menjadi sumber malu bagi anggota-anggotanya.

Tujuan proses pembudayaan ialah untuk membangunkan generasi baru mencapai tahap kecemerlangan sosial, iaitu mereka dapat mengekalkan hubungan yang erat dalam rangka kehidupan sehari-hari yang melibatkan lingkungan sosial yang berbeza-beza. Peranan individu dalam kehidupan merupakan aspek penting personalitinya. Dia terpaksa memenuhi jangkaan peranannya. Sebagai anggota keluarga dan anggota masyarakat. Kegagalan dalam proses pembudayaan tidak menyebabkan individu menjadi orang yang tidak berguna sama ada kepada keluarga atau masyarakat. Ini disebabkan, apa yang dipelajari melalui proses pembudayaan tetap bernilai dan tempatnya di dalam keluarga dan masyarakat tetap terjamin. Oleh kerana itu, proses pembudayaan dapat membina kualiti diri dan mempengaruhi sistem perlapisan sosial dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba yang juga adalah diasaskan oleh faktor warisan keluarga dan personaliti.

Dalam proses pembudayaan masyarakat Melayu di Pulau Tuba, banyak aspek keagamaan tidak diperolehi daripada keluarga, kecuali yang berkaitan dengan persoalan nilai dan kod moral. Walaupun ibu bapa

mempunyai tahap kesedaran yang tinggi supaya anak-anak mengikut amalan keagamaan (menjadi anak yang soleh), tetapi disebabkan kadar pengetahuan ibu bapa terbatas menyebabkan hal-hal keagamaan terutamanya soal-soal yang berkaitan dengan ibadat terpaksa diberikan kepada institusi di luar keluarga.

/ Kesimpulannya, pertumbuhan fizikal dan perkembangan sosial anak-anak dalam sistem sosial masyarakat Melayu Pulau Tuba sangat bergantung kepada keluarga dan lingkungan sosial dan keluarga adalah agensi yang memainkan peranan penting dalam proses pembudayaan di sepanjang peringkat pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dalam masyarakat. _

' Keluarga berfungsi untuk mempertingkatkan martabat keluarga dalam masyarakat dengan membina dan memperkembangkan personaliti anggota-anggotanya ke tahap yang dihormati. Fungsi ini dicapai melalui proses pembudayaan. Tiada institusi lain yang dapat memainkan fungsi ini secara total dan berkesan. Ini disebabkan keluarga memikul tugas sepenuh masa dan bertanggung jawab memenuhi tuntutan masyarakat dan agama: /

"Wahai orang-orang yang beriman!
Peliharalah diri kamu dan keluarga
kamu dari api neraka...."

(Al-Quran; Surah 66: 6)